# PERUBAHAN PERATURAN MEMAKAI PELITUP

Dengan keperluan memakai pelitup dilonggar mulai Isnin depan (29 Ogos), pelitup hanya diperlukan dalam beberapa tempat jagaan kesihatan serta premis dan kenderaan pengangkutan awam tertentu:

## PENGANGKUTAN AWAM DAN PENERBANGAN

| | |
|---|---|
| • Dalam bas awam, MRT atau LRT<br>• Tempat naik kenderaan dalam pusat tukaran bas tertutup<br>• Tempat naik kereta api di landasan bawah tanah<br>• Tempat naik kereta api di landasan terbuka (mempunyai aliran udara semula jadi) | ✓ Masih perlu memakai pelitup |
| • Pusat tukaran bas terbuka (mempunyai aliran udara semula jadi)<br>• Kawasan perniagaan runcit di dalam pusat tukaran bas<br>• Kawasan perniagaan runcit di stesen MRT atau LRT | ✗ Tidak perlu memakai pelitup |
| • Bas swasta*, seperti bas sekolah, bas majikan, bas pengangkutan ulang-alik (shuttle)<br>• Khidmat kereta api lain*<br>• Teksi/kenderaan sewa privet* | ✗ Namun penumpang harus melihat jika ada keperluan tambahan yang ditetapkan pengendali privet. |
| • Di lapangan terbang | ✗ |
| • Penerbangan dan feri komersial ke luar negara dari Singapura ke destinasi yang mewajibkan pemakaian pelitup dalam perjalanan<br>• Penerbangan dan feri komersial menuju ke Singapura dari destinasi yang mewajibkan pemakaian pelitup dalam perjalanan | ✓ |
| • Penerbangan dan feri komersial ke luar negara dari Singapura ke destinasi yang tidak mewajibkan pemakaian pelitup dalam perjalanan<br>• Penerbangan dan feri komersial menuju ke Singapura dari destinasi yang tidak mewajibkan pemakaian pelitup dalam perjalanan | ✗ |

*Pengendali pengangkutan mungkin masih menetapkan keperluan pemakaian pelitup sebagai dasar syarikat mereka. Pelawat dinasihatkan untuk meneliti keperluan itu bersama pengendali sebelum meneruskan perjalanan jika kewajiban pemakaian pelitup itu diperlukan bagi perjalanan mereka.

## KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN

| | |
|---|---|
| • Hospital, pusat rawatan khusus nasional, poliklinik, klinik perubatan umum (GP) dan klinik doktor gigi<br>• Klinik perubatan tradisional Cina (TCM), spesialis, perubatan umum dan doktor gigi terletak di kawasan atau pusat beli-belah | ✓ (Setiba di premis tertutup hospital, poliklinik atau klinik) |
| • Kemudahan jagaan, pusat pengujian dan pusat vaksinasi Covid-19 | ✓ (Setiba di premis tertutup pusat tersebut) |
| • Kawasan runcit, premis cawangan makanan dan minuman, dan kawasan umum dalam hospital, pusat rawatan khusus dan poliklinik. | ✓ |
| • Klinik fisioterapi dan khidmat kesihatan lain yang terletak di luar hospital seperti terapi perbualan, terapi pekerjaan, perkhidmatan psikologi dan kaunseling atau pemakanan.<br>• Khidmat jagaan masyarakat tidak berpenghuni (Seperti khidmat jagaan berdasarkan pusat, jagaan siang hari, jagaan di rumah, dan pusat kesihatan mental masyarakat)<br>• Farmasi runcit dalam pusat beli-belah<br>• Kedai dan kawasan runcit di bangunan lain | ✗ |

## RUMAH JAGAAN BERPENGHUNI

| | |
|---|---|
| • Rumah jagaan, termasuk rumah jagaan pesakit<br>• Rumah Pemulihan Psikiatrik<br>• Rumah Perlindungan Psikiatrik<br>• Rumah Kebajikan dan Rumah Perlindungan Warga Emas<br>• Rumah jagaan orang dewasa kurang upaya/hostel jagaan orang kurang upaya | ✓ (Setiba di premis tertutup) |

## PENGANGKUTAN PERUBATAN

| | |
|---|---|
| • Ambulans kecemasan dan kenderaan pengangkutan perubatan | ✓ (Semasa dalam kenderaan) |

Sumber: KEMENTERIAN KESIHATAN GRAFIK BERITA HARIAN